

**SULALATUS SALATIN SEBAGAI MEDIUM MENDIDIK NILAI MURNI
SULALATUS SALATIN AS A MEDIUM IN TEACHING OF MORAL
VALUES**

Siti Faridah Leong Bt Abdullah*

Bazrul bin Bahaman Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.

faridah@gmail.com

ABSTRAK

Makalah ini bertujuan untuk mengenal pasti peranan Sulalatus Salatin sebagai medium mendidik. Kajian ini dijalankan melalui kajian perpustakaan dan menganalisis kisah-kisah terpilih daripada teks sebagai metod utama. Kisah-kisah terpilih akan dianalisis mengikut landasan prinsip ketujuh teori Takmilah, iaitu Prinsip Khalayak; dengan berfokuskan sama ada kisah-kisah dalam Sulalatus Salatin bersifat didaktik dan menyampaikan nilai-nilai murni islamiah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kisah-kisah daripada Sulalatus Salatin mengandungi pengajaran mengenai nilai-nilai murni yang wajar diteladani. Di sini, jelas kisah Sulalatus Salatin boleh dijadikan bahan penyampai pengajaran untuk membimbing khalayak ke arah insan kamil. Kajian baru wajar dijalankan untuk menentukan bentuk penyampaian kisah Sulalatus Salatin yang mampu menarik minat generasi kini.

Kata Kunci: Sulalatus Salatin, teori Takmilah, pengajaran

ABSTRACT

This article was carried out to determine if the Malay Annals (Sulalatus Salatin) could be a medium to teach Islamic Virtues. This

research is done through library research and text analysis as the main method. The seventh principle from the Takmilah Theory will be applied to analyse selected events. The seventh principle is the Principle of The Masses. The focus will be on selected segments from the Annals, and as to whether these documented stories are able to explain Islamic Virtues. This research has shown that the stories are rich in moralistic examples. With this, it is clear stories from The Malay Annals – Sulalatus Salatin could be used as examples to explain what Islamic values are. Further study should be carried out to determine in which form of presentation would these stories appeal to the present generation.

Keywords: Sulalatus Salatin, theory of Takmilah, lesson

PENGENALAN

Kedatangan Islam ke Nusantara telah membawa banyak perubahan dalam kehidupan masyarakat di rantau ini. Salah satu aspek penting ialah perkembangan pendokumentasian karya sastera. Mengikuti kajian sejarah, di alam Melayu, sastera tulisan mula sebelum 1800 Masihi lagi. Penghasilan sastera tulisan pada awalnya ditulis dengan tulisan Jawi dan dihasilkan secara manual. Bahan yang digunakan termasuklah batang resam sebagai alat menulis. Antara tokoh penulis yang awal ialah Tun Seri Lanang yang telah menghasilkan Sulalatus Salatin dan Raja Ali Haji yang menghasilkan *Tuhfat Al Nafis*.

Sulalatus Salatin juga dikenali sebagai Sejarah Melayu. Karya ini telah dikarang oleh Tun Sri Lanang ketika beliau menjadi Bendahara Paduka Johor bermula tahun 1580 hingga 1615. Beliau telah dilahirkan di Bukit Seluyut, Johor pada tahun 1565. Karya ini bergenre sejarah yang mengandungi lima belas bab kesemuanya. Karya agung ini menceritakan tentang perihal zaman Kesultanan Melayu Melaka sehingga ke saat kejatuhannya. Karya ini dihasilkan agar keturunan yang akan datang dapat belajar daripada kesilapan leluhur mereka.

Sejujurnya, riak-riak penentangan masyarakat peribumi terhadap penjajah telah wujud sejak awal lagi, seperti yang

terakam dalam Sulalatus Salatin. Pengarangnya dengan cara yang amat kreatif telah menggembelng teknik penceritaan yang sebaik mungkin untuk menyampaikan pesanan leluhur kepada generasi baharu. Pengarang dilihat berusaha mengembalikan imej orang Melayu sebagai bangsa yang berani, gagah dan tidak gentar untuk berhadapan dengan pihak musuh.

Walaupun karya ini berkisarkan tentang zaman pemerintahan raja-raja, karya ini tetap boleh dijadikan panduan hidup serta mendidik masyarakat pada hari ini. Pelbagai nilai Melayu yang tergambar dalam karya ini seperti falsafah nilai dan etika, kepimpinan, waadat, estetika, bahasa, agama dan banyak lagi. Masyarakat Melayu digambarkan sebagai masyarakat yang bijak mendidik serta mementingkan keagamaan, dan nilai estetika yang menjadi keutamaan ialah estetika dari segi adab dan adatnya, estetika dari segi retoriknya dan sebagainya. Selain itu terdapat juga nilai Melayu yang melihat tentang etika dan kepimpinan dalam masyarakat Melayu.

PERNYATAAN MASALAH

Sebelum abad ke-15, kerajaan Melayu yang berfahaman HinduBuddha ataupun beragama Islam telah berjaya membina sebuah peradaban Melayu yang berpengaruh selama 1500 tahun, namun keagungannya hancur selepas dijajah oleh negara-negara Eropah Barat selama 450 tahun. Bermula daripada pusat perdagangan, Melaka berkembang menjadi Empayar Kesultanan Melayu yang jajahannya tersebar luas. Kehebatan Melaka seharusnya kerana berpunca daripada pentadbiran yang hebat.

Kajian berdasarkan perspektif ini telah mengaitkan kebangkitan ini bermula sejak dari kedatangan Islam ke Melaka. Sumbangan Islam banyak mencorakkan budaya hidup orang Melayu. Kesan penganutan Islam oleh golongan bangsawan Melayu, dan rakyat seterusnya; telah mengubah ideologi kolektif masyarakat Melayu daripada ideologi HinduBuddha kepada Islamik. Zaman Hindu-Buddisme telah meletakkan raja-raja sebagai dewa yang perlu disembah dan ditaati sepenuhnya, iaitu konsep Raja

sebagai Kuasa Mutlak, Kedatangan Islam telah menegaskan lagi konsep daulat dan derhaka, tetapi harus mengikut wajar Islamik dan tidak pada prinsip ketaatan yang rigid atau membuta tuli. Institusi diRaja ditafsirkan sebagai pemegang amanah dan pemerintahan raja adil dan berdaulat. Gagasan waadat iaitu raja adil raja disembah, raja zalim raja disanggah telah menjadi prinsip utama dalam perhubungan antara pemerintah dengan yang diperintah.

Tanggung jawab pemerintah mengikut garis panduan Islam telah mengikis konsep sifat kedewaan raja, dan digantikan dengan konsep raja sebagai khalifah di dunia yang memegang tanggung jawab ketua negara. Oleh demikian, raja tidak boleh dipersoalkan atau dihukum, tetapi pemerintahannya perlu diterima adalah adil dan bertunjangkan prinsip agama Islam. Prinsip ini penting kerana ia menjadi sumber rujukan dan pangkal asas pemerintahan Kesultanan Melayu. Karya agung masyarakat Melayu iaitu Sulalatus Salatin telah ditulis dengan tujuan mengajar generasi yang selepas zaman Empayar Melaka di mana letaknya kesilapan pemerintah terdahulu. Ia satu usaha untuk menjelaskan keadaan masyarakat yang wujud ketika zaman itu dan mengapa kisah-kisah itu terjadi.

Perkara-perkara utama yang digambarkan termasuklah keadaan sosial, politik, budaya, ekonomi, perdagangan dan hubungan diplomatik; dan dikisahkan mengenai seluruh lapisan masyarakat. Ini bermakna Sulalatus Salatin tidak hanya tetumpu pada golongan bangsawan, tetapi juga mendokumentasikan peristiwa yang dilalui rakyat marhaen. Keseimbangan kandungan ini menjadikannya satu karya yang ulung. Kajian ini juga dilakukan untuk melihat sama ada kisah dalam Sulalatus Salatin dapat digunakan sebagai medium pengajaran konsep akhlak yang agak abstrak kepada generasi muda.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menghuraikan nilai murni Islamiah dalam catatan kisah Sulalatus Salatin berlandaskan Prinsip Ketujuh Teori Takmilah; iaitu sastera berperanan mendidik khalayak, dan

dihasilkan dengan tujuan untuk memupuk masyarakat ke arah insan Kamil (sempurna). Kajian ini akan menghuraikan catatan kesan-akibat kisah-kisah *Sulalatus Salatin* sama ada kisah-kisah tersebut dapat menyampaikan nilai-nilai tersebut.

KERANGKA TEORI

Untuk kajian ini, Prinsip Ketujuh teori *Takmilah*, iaitu Prinsip Khalayak telah dipilih untuk meneliti nilai-nilai didaktik dalam kisah-kisah yang terpilih daripada *Sulalatus Salatin*. Teori Takmilah yang telah diperkenalkan oleh Shafie Abu Bakar. Teori ini berdasarkan sifat ketuhanan yang Uluhiyyah dan Rubuhiyyah. Menurut Shafie, teori ini boleh digunakan untuk mengesan nilai keislaman dalam semua karya sastera. Dasar teori ini ialah kesempurnaan keindahan. Wajar ditegaskan, keindahan itu satu sifat Allah S.W.T (Maniyamin Hj Ibrahim, 2005).

Perkataan takmilah berasal daripada istilah Arab yang bermaksud kesempurnaan, Takmilah terhasil daripada istilah Arab yang bermaksud kesempurnaan Takmilah; iaitu terhasil daripada kata akar Kamal yang bermaksud sempurna. Takmilah membawa makna menyempurnakan sesuatu. Kesenian melalui sifat Kalal, Kamal dan Jamal iaitu sifat-sifat keindahan Allah S.W.T. Teori Takmilah melihat segala kejadian dan peristiwa itu indah, sama ada sesuatu yang menggembirakan atau menyedihakan; semuanya ada keindahannya.

Teori Takmilah tidak dibina secara berasingan, tetapi mempunyai hubungan yang rapat dengan falsafah prinsip-prinsip keislaman itu sendiri. Seandainya perbincangan diadakan tanpa berlandaskan elemen-elemen ini, terdapat kemungkinan perbincaraan hal-hal sastera itu tidak mencungkil nilai-nilai Islam. Falsafah teori ini berpusat kepada sifat Allah yang menjadi unsur bagi takmilah (sifat Kamal); iaitu elemen yang mendidik dan tajmilah (sifat Jamal iaitu indah). Teori ini dibina atas dasar kepercayaan kepada konsep kesyumulan Islam. Segala aspek dan lingkungan manusia termasuk dalam lingkungan tauhid. Inilah asas

falsafah pembinaan Teori Takmilah. Teori ini secara menyeluruh menyempurnakan sifat keislaman melalui sastera.

Teori ini melihat semua kejadian indah kerana semua peristiwa mempunyai hikmahnya sendiri. Terdapat pelbagai peristiwa di muka bumi yang melibatkan manusia sebagai pelaku. Manusia sebagai makhluk yang dikurniakan akal untuk menilai perlu bijak menganalisis peristiwa dan mencari hikmah di sebaliknya. Apabila diaplikasikan pada karya sastera, segala bentuk karya yang sedia ada dan bakal dicipta akan tetap diterima, asalnya bentuk itu mempunyai nilai keindahan dan bertepatan dengan ajaran Islam (Maniyaman, 2005:27). Ini termasuk daripada segi isi yang seharusnya mengandungi nilai positif dan disampaikan secara halus dan bijaksana; sementara isi bersifat negatif akan dicungkil nilai keislamannya dan dijadikan teladan.

Secara menyeluruh, Teori Takmilah membawa diri pengkarya dan khalayak ke sifat jati diri keislaman. Sesungguhnya tidak dapat dipisahkan hubungan karya daripada Allah yang mempunyai sifat-sifat Kamal – Kesempurnaan Hakiki (Abdul Halim Ali, 2006:88). Sifat menyeluruh ini melibatkan hubungan manusia iaitu pengkarya dan khalayak menerusi karnyanya dengan ketuhanan, kenabian dan keilmuan. Untuk manusia, wujud kehendak untuk kembali menuju kesempurnaan Allah. Konsep takmilah dalam karya meliputi aspek bentuk, isi, tema, struktur, tekni, watak dan perwatakan, sudut pandangan, nilai, mesej latar, budaya, pengaru, idea, ideology, biografi, khalayak, Bahasa, diksi, terminologi, nada dan stilistik (Maniyamin, 2005:28). Oleh itu, teori ini telah menggariskan tujuh prinsip untuk memperhalus teori takmilah; iaitu:

1. Prinsip Ketuhanan yang bersifat Kamal – Sempurna.
2. Prinsip Kerasulan sebagai insan Kamil – Sempurna.
3. Prinsip Keislaman yang bersifat Akmal –Sempurna.
4. Prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat Takamul-
Menyempurnakan
5. Prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat
Takmilah-Sempurna dan Menyempurnakan.
6. Prinsip sastera pengkarya yang seharusnya mengistikmal

diri – menyempurnakan diri.

7. Prinsip khalayak yang bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil – Sempurna.

Kajian ini akan berpaksikan prinsip yang ketujuh iaitu Prinsip Khalayak Bertujuan Memupuk Pembaca ke arah Insan Kamil. Prinsip ini menumpukan tujuan akhir penghasilan karya. Islam menghendaki sastera yang dihasilkan harus bersifat mendidik, mendakwah dan meningkatkan ketauhidan diri pembaca. Ini sejajar dengan tujuan Sulalatus Salatin diarahkan ditulis, iaitu untuk menjadi peringatan waris agar mengelakkan kesilapan leluhur mereka. Prinsip ini menghendaki pengkarya bersifat sebagai seorang yang berilmu agama dan ilmu kifayah agar karya yang dihasilkan dapat memberi kesan meningkatkan tauhid seseorang pembaca.

METODOLOGI

Kajian ini dijalankan secara kajian perpustakaan di mana kisah-kisah terpilih dari teks Sulalatus Salatin yang diselenggara oleh A.Samad Ahmad (1997), diteliti secara intrinsik bagi mengesan serta meneliti unsur-unsur yang bersifat mendidik masyarakat. Unsur utama yang diteliti ialah unsur tindakan – akibat, iaitu kifarrah dalam setiap kisah. Kifarrah diertikan sebagai balasan Allah SWT ke atas seseorang hamba di dunia akibat dosa yang dilakukan individu tersebut. Balasan ini pelbagai, seperti ujian kehilangan orang yang dikasihi, kehilangan harta benda atau kedudukan; atau ditimpa penyakit dan musibah lain. Walaupun ujian yang menimpa berat, namun sesungguhnya ujian ini tanda kasih sayang daripada Allah SWT.

Ujian ini bertujuan untuk menyedarkan individu tersebut. Sesungguhnya individu yang mengharungi ujian ini dengan sabar akan dikurniakan pahala besar. Ini diperjelaskan Rasulullah SAW dalam hadith yang disebut oleh Saidatina Aisyah, bahawa “tidak menimpa ke atas seorang mukmin satu kecelakaan, biarpun duri,

ataupun lebih daripada itu, melainkan Allah akan menggugurkan darinya satu dosa (Hadith Al-Bukhari dan Muslim).

Tidak dapat dinafikan bahawa kebanyakan hasil sastera mengajak manusia ke arah kebaikan. Kajian ini dengan berlandaskan Teori Takmilah; akan melihat sama ada matlamat tersebut dapat dicapai. Kajian ini akan menilai sama ada kisah dari Sulalatus Salatin berunsur didaktik, dan mempamerkan buat baik dibalas baik dan buat jahat dibalas jahat. Kehadiran unsur didaktik yang menentukan sama ada kisah-kisah itu berjaya memupuk khalayak pembaca ke arah pembentukan insan kamil dengan mencontohi peribadi terpuji dan akhlak mulia Rasulullah s.a.w. walaupun tidak secara seratus peratus. Mengikut Prinsip Ketujuh Teori Takmilah, harapan yang digantungkan terhadap karya ialah setiap penciptaan karya itu perlu sampai kepada khalayak dan ia benar-benar serasi dengan kehendak dan kepentingan Islam. Beberapa kisah terkenal daripada Sulalatus Salatin akan dikaji unsur kifarahnya, dan dinilai keberkesanan unsur didaktik dalam mendidik.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini telah meneliti beberapa kisah teladan yang dipetik daripada *Sulalatus Salatin*.

1. Singapura Dilanggar Todak Bab dan tajuk cetera Bab 4: Singapura Dilanggar Todak Halaman dalam Sulalatus Salatin Hlm 67 Watak dalam cetera Tuan Jana Khatib, Paduka Seri Maharaja, Ringkasan cetera Tuan Jana Khatib seorang yang mahir ilmu khayal lillah telah datang ke Singapura. Dia telah menilik sebatang pohon pinang sehingga terbelah dua. Perbuatannya itu menimbulkan kemarahan Paduka Seri Maharaja. Katanya Tuan Jana Khatib nak menunjukkan kebolehan kepada isterinya. TJK telah dihukum bunuh. Sebaik darahnya menitik ke tanah, tubuh TJK telah ghaib. Tubuhnya itu dikatakan muncul di Langkawi. Selepas peristiwa ini, singapura telah dilanggar oleh ikan-ikan todak. Ramai rakyat Singapura telah terbunuh. Paduka Seri Maharaja telah

menyuruh rakyatnya berkubukan betis, ini menjadikan semakin ramai rakyatnya terbunuh. Seorang budak telah mencadangkan supaya berkubu batang pisang. Kecerdikan budak ini menimbulkan kerisauan di hati pembesar. Mereka mencadangkan budak itu dibunuh. Raja yang meninggal dunia digantikan anaknya iaitu Raja Iskandar Syah. RIS mengahwini anak Tun Perpatih Tulus dan mendapat seorang anak bernama Raja Ahmad ataupun nama timangannya Raja Besar Muda. RBM dikahwinkan dengan Tuan Puteri Kamarul Ajaib, anak Raja Sulaiman Syah, raja Kota Mahligai.

Pembunuhan ke atas seorang yang tidak berdosa oleh pemerintah telah menyebabkan Temasik/Singapura dilanda musibah. Ramai rakyat marhaen yang hilang nyawa akibat serangan todak yang luar biasa. Kisah ini sarat dengan pengajaran agar tidak menjatuhkan hukuman tanpa usul periksa.

2. Penderhakaan Sang Rajuna Tapa Bab dan tajuk cetera Bab 4: Akibat Khianat, Singapura Dialahkan Majapahit. Halaman dalam Sulalatus Salatin Hlm 69 Watak dalam cetera Raja Iskandar Syah, Sang Rajuna Tapa, anak perempuan Sang Rajuna Tapa, dayang-dayang Ringkasan cetera Anak bendahari Raja Iskandar Syah telah dihukum canggai (sula) di pasar kerana difitnah berbuat jahat dengan orang lain. Sang Rajuna Tapa merasa sangat malu. Dia mengirinkan surat kepada Betara Majapahit meminta Majapahit menyerang Singapura dan dia bersedia untuk belot dari dalam. Rakyat Majapahit telah menyerang Singapura. Singapura dikepung selama sebulan oleh Demang mangku Negara. Bekalan makanan dikatakan telah habis. Bila rakyat Singapura telah keletihan, Sang Rajuna Tapa telah membuka pintu kota dan Singapura telah dikalahkan.

Kisah ini juga berkaitan dengan tindakan pemerintah yang kurang teliti menjatuhkan hukuman. Kemarahan seorang ayah kerana kecewa anaknya diaibkan, telah membutakan hati Sang Rajuna Tapa sehingga sanggup mengkhianati rajanya. Tindakannya membuka pintu kota kepada tentera musuh telah menyebabkan raja kehilangan kerajaan. Analisis kisah ini mendapati sekiranya raja

bertindak bijak dengan menjaga aib rakyat dan menghukum dengan bijak, pemberontakan rakyat dapat dielakkan.

3. Pelantikan Tun Perak Bab dan tajuk cetera Bab 5: Satu Cara Mengelakkan Pecah Belah

Halaman dalam *Sulalatus Salatin*:92

Watak dalam cetera Sultan Muzaffar Syah, Seri Nara Diraja (Tun Ali), Tun Kudu, Paduka Raja (Tun Perak)

Seseorang raja pada zaman Kesultanan Melayu Melaka mempunyai kuasa mutlak. Analisis kisah ini mendapati Raja Kassim atau Sultan Muzaffar Syah telah mengambil keputusan untuk tidak menggunakan kekerasan dalam menangani situasi yang amat sensitif, iaitu memujuk Seri Nara DiRaja/ Tun Ali untuk mengundur diri. Dengan memilih untuk melepaskan Tun Kudu, baginda telah berjaya mengelakkan perang saudara di Melaka, dan melantik bendahara teragung Melaka iaitu Paduka Raja/ Tun Perak. Kisah ini sarat dengan nasihat agar seseorang wajar mengambil tindakan bijak umpama menarik rambut dari tepung.

4. Pembunuhan Hang Tuah dan penderhakaan Hang Jebat Bab dan tajuk cetera Bab 6 : Hang Tuah Dihukum Bunuh. Bab 7 : Hang Jebat Kesiangan Di Istana.

Halaman dalam *Sulalatus Salatin*: 130, 140

Watak dalam cetera Sultan Mansur Syah, Hang Tuah, Seri Nara Diraja, Hang Jebat Ringkasan cetera Satu ketika kuda Sultan Mansur Syah jatuh ke dalam telaga tahi. Beratus-ratus orang yang melihat peristiwa itu. Seorangpun tidak mahu turun. Lalu Hang Tuah Terjun kedalam telaga dan menambat kuda dengan tali. Barulah kuda dapat ditarik naik ke atas. Hang Tuah telah dituduh bermukah dengan seorang dayang istana. Sultan telah menitahkan Seri Nara Diraja menjalankan hukum bunuh. Bagaimanapun Seri Nara Diraja tidak menjalankan hukum itu sebaliknya Hang Tuah telah dihantarkan ke dusunnya di hulu Melaka dan ditahan di situ. Hang

Jebat telah mengamuk di dalam istana raja. Ini menyebabkan Sultan dan permaisuri terpaksa melarikan diri. Bila tiada seoranganpun hulubalang yang dapat membunuh Hang Jebat itu, raja mula terkenangkan Hang Tuah. Bila keadaan mengizinkan, Seri Nara Diraja pun menyembah dan memberitahu bahawa Hang Tuah masih hidup di Hulu Melaka. Lalu Hang Tuah disuruh ambilkan. Dia diampuni dan disuruh membuang arang di muka raja. Pertarungan antara Hang Tuah dan Hang Jebat telah berakhir dengan kemenangan pada pihak Hang Tuah.

Analisis ke atas kisah ini mendapati ada masa seseorang itu perlu mengambil tindakan berdasarkan pertimbangan menyeluruh. Di sini, Seri Nara DiRaja, seorang pentadbir yang berpengalaman; telah meneliti keperibadian Hang Tuah, dan memutuskan seseorang yang bersifat amat taat seperti Hang Tuah tidak mungkin melakukan khianat terhadap sultan, sebagaimana yang dilaporkan pembesar lain. Berbekalkan pertimbangan ini, Seri Nara DiRaja telah berani mengambil tindakan engkar perintah sultan walaupun cukup maklum atas akibatnya. Tetapi nyata keputusan Seri Nara DiRaja amat tepat apabila khidmat Hang Tuah diperlukan untuk menangani Hang Jebat yang menderhaka.

5. Kisah Anak Raja dihantar ke Pahang Bab dan tajuk cetera Bab 7 : Ditolak Bumi Melaka

Halaman dalam *Sulalatus Salatin*: 152

Watak dalam cetera Sultan Mansur Syah, Raja Muhammad, Tun Besar, Bendahara Paduka Raja (Tun Perak) Ringkasan cetera Raja Muhammad yang bakal menggantikan ayahnya Sultan Mansur telah menyebabkan Tun Besar, anak Paduka Raja meninggal dunia. Anak-anak buah Paduka Raja mahu menderhaka untuk membalas dendam. Bendahara menentang hasrat tersebut tetapi bersumpah tidak mahu berajakan Raja Muhamad. Akibatnya Sultan Mansur telah menghantar Raja Muhammad untuk beraja di Pahang. Bergelar Sultan Muhammad Syah. Raja Muhammad telah berkahwin dengan Mengindera Puteri, cucu Sultan Iskandar, Sultan

Kelantan. Mendapat tiga orang anak iaitu Raja Ahmad, Raja Jamil dan Raja Mahmud.

Analisis kisah ini mendapati seseorang itu perlu bersabar walaupun diuji dengan ujian yang amat besar. Bendahara telah membuat keputusan yang tepat dengan bersabar dan menasihatkan Sultan Mansur agar Raja Muhammad dihukum secara berhemah. Sekiranya Bendahara menyahut seruan anak buahnya untuk membalas dendam, sudah pasti bumi Melaka dibasahi darah. Tindakan ini juga ibarat menarik rambut dari tepung, dan mengajar agar kemarahan wajib dikawal.

6. Penangkapan pencuri di bandar Melaka

Bab dan tajuk cetera

Bab 8: Pemerintahan Sultan Alau'd-Din Riayat Syah. Bab 8:

Langkah Membasmi Pencuri

Halaman dalam *Sulalatus Salatin*: 172, 174

Watak dalam cetera Sultan Alauddin, Hang Isap, Hang Ishak, Temenggung Seri Maharaja Ringkasan cetera Pemerintahan Sultan Alau'd-Din Riayat Syah. Sultan Alauddin beristeri dua orang. Isteri pertama ada 2 anak iaitu Raja Menawar dan Raja Zainal. Isteri kedua ada 3 anak iaitu Raja Hitam, Raja Muhammad dan Raja Zainal. Dalam negeri banyak berlaku kes kecurian. Bagi mengatasi masalah, baginda sendiri telah keluar meronda bersama Hang Isap dan Hang Ishak, penjawat sirih santap baginda. Terjumpalah dengan 5 orang pencuri sedang mengusung peti. Diusirnya pencuri itu. Dia berjaya membunuh 2 orang dan Hang Isap membunuh seorang, 2 orang lagi berjaya melarikan diri. Setelah itu ia kembali ke istana. Langkah Membasmi Pencuri. Setelah Temenggung Seri Maharaja mendengar Sultan sendiri keluar meronda bersama Hang Isap dan Hang Ishak, dia mulai mengeraskan kawalan. Sesiapa yang dijumpai berjalan malam dibunuhnya. Membuatkan pencurian berjaya dibenteras. Sebuah balai dibina di simpang empat di tengah negeri. Seorang penghulu ditugaskan berkawal di situ. Sesiapa yang

menjumpai harta orang hendaklah dipulangkan kalau tidak tangannya akan dikerat. Setiap barang yang dijumpai dihantarkan ke balai Seseorang raja pada zaman feudal lumrahnya tidak perlu melibatkan diri secara langsung dengan pelaksanaan undangundang. Tetapi tindakan Sultan Alauddin memberi contoh bahawa tidak hilang bisa ular yang menyusur. Malah dengan melibatkan diri secara langsung telah dapat memberikan gambaran yang lebih tepat mengenai keadaan di Melaka. Teladan Sultan Alauddin wajar dicontohi agar pemimpin lebih memahami tanggungjawab pentadbirannya.

7. Sultan Mahmud bermukah dengan isteri Tun Biajid

Bab dan tajuk cetera

Bab 9: Nyaris Lembing Diterbangkan ke Dada

Halaman dalam *Sulalatus Salatin*: 193

Watak dalam cetera Sultan Mahmud, isteri Tun Biajid, Tun Biajid Ringkasan cetera Sultan Mahmud telah berlaku curang dengan isteri Tun Biajid ketika Tun Biajid pergi ke Merba. Semasa mahu pulang di waktu dinihari, dia terserempak dengan Tun Biajid. Tun Biajid hampir melembing Sultan Mahmud kalaulah tidak dingatnya yang Sultan Mahmud adalah tuannya. Isterinya itu diceraikan. Sebagai ganti, Sultan memberikannya seorang gundik baginda yang bernama Tun Iram Sendari.

Tindakan Sultan Mahmud yang tidak mempertimbang akibat tindakannya bermukah dengan isteri panglima telah menyebabkan baginda kehilangan seorang pahlawan yang berwibawa. Kisah ini menjelaskan seseorang pemimpin wajib muhasabah diri dan menjauhi tindakan yang merugikan dirinya.9

8. Sultan Mahmud pergi mengaji

Bab dan tajuk cetera Bab 9: Sultan Mahmud pergi mengaji Halaman dalam *Sulalatus Salatin*: 201

Watak dalam cetera Sultan Mahmud, Maulana Yusuf Ringkasan cetera Sultan Mahmud sendiri tidak dilayan oleh Maulana Yusuf kerana dia datang sebagai Yang Dipertuan dengan menaiki gajah berserta segala rombongan ahli istana untuk belajar mengaji. Dia hanya dilayan bila datang secara bersendirian berjalan kaki sebagai fakir Mahmud. Kisah ini didapati mendidik yang murid wajib menghormati pendidik, walaupun yang muridnya seorang Sultan.

9. Peminangan Puteri Gunung Ledang Bab dan tajuk cetera Bab 9: Meminang “Puteri Gunung Ledang”.

Halaman dalam *Sulalatus Salatin*: 212

Watak dalam cetera

Sultan Mahmud, Tun Mamad, Puteri Gunung Ledang, Sang Setia, Laksamana Ringkasan cetera Setelah Bonda Raja Ahmad meninggal, Sultan Mahmud ingin kahwin lagi. Beliau berhajat untuk mengahwini Puteri Gunung Ledang. Laksamana dan Sang Setia disuruh meminang. Tun Mamad penghulu orang Inderagiri juga ikut serta. Setelah sampai separuh gunung, Laksamana dan Sang Setia disuruh berhenti. Tun Mamat telah naik bersama dua orang lain. Apabila sampai di had buluh perindu, beliau telah berjumpa seorang perempuan tua dalam sebuah taman. Beliau mengaku bernama Dang Raya Rani iaitu pengetua Puteri Gunung Ledang. Tun Mamad telah menyatakan hajat Sultan Mahmud. Tidak lama kemudian muncul seorang tua yang lain. Dia memberitahu syarat Tuan Puteri Gunung Ledang untuk menerima pinangan Sultan Mahmud iaitu baginda dikehendaki membina jambatan emas dan perak ke gunung Ledang dari Melaka, hati nyamuk tujuh dulang, Hati kuman tujuh dulang, air mata setempayan, air pinang muda setempayan dan darah anak raja semangkuk. Bila syarat-syarat ini dinyatakan kepada Sultan Mahmud, baginda menyatakan baginda dapat menyediakan semua permintaan kecuali darah Raja Ahmad yang semangkuk itu.

Kisah ini sarat dengan sindiran ke atas pemerintah yang riak. Sultan Mahmud merasakan dirinya amat istimewa sehinggakan hanya Puteri Gunung Ledang yang layak menjadi isterinya. Sesungguhnya kiasan bahawa Sultan yang kononnya hebat tidak mampu menunaikan kesemua permintaan Puteri itu merujuk kepada pengajaran bahawa setiap individu ada kekurangannya. Maka perasaan riak itu wajib dibuang dari diri.

10. Pembunuhan Keluarga Tun Fatimah

Bab dan tajuk cetera Bab 13:

Tun Fatimah Anak Bendahara Seri Maharaja: Punca Mencetuskan Sekejap-kejap Hukuman: Tamat Riwayat Tiga Orang Besar Negara Halaman dalam Sulalatus Salatin: 50,255, 257

Watak dalam cetera Sultan Mahmud, Bendahara Seri Maharaja, Tun Fatimah, Seri Nara Diraja, Tun Ali, Raja Di Baruh, Nina Dewa Sura, Raja Mendaliar, Kitul, Laksamana Khoja Hassan, Tun Sura Diraja, Tun Indera Segara, Tun Hassan Temenggung, Ringkasan cetera Bendahara Seri Maharaja dikurniakan seorang anak perempuan, Tun Fatimah. Kecantikan Tun Fatimah diumpamakan laut madu, bertasik susu dan berpantalkan sakar (gula). Tun Fatimah ditunangkan dengan Tun Ali, anak Seri Nara Diraja, sepupunya. Raja Di Baruh iaitu bapa saudara Sultan Mahmud, menasihatkan supaya perkahwinan ditangguhkan kerana Tun Fatimah itu sepatutnya ditunjukkan kepada Sultan dulu. Lebih lagi pada masa itu Permaisuri Tun Teja telah mangkat. Bendahara tidak endahkan nasihat itu. Pada hari perkahwinan Sultan hadir dan baginda sangat tertarik dengan Tun Fatimah. Lantas baginda menuduh Bendahara sebagai jahat kerana gagal mempersembahkan Tun Fatimah kepadanya dahulu. Sejak dari hari itu, Sultan Mahmud berdendam dengan Bendahara.

Nina Dewa Sura telah bertelingkah dengan Raja Mendaliar. Mereka pergi berhukum pada Bendahara. Kerana hari telah petang, mereka disuruh datang keesokan harinya. Malam itu, Nina Dewa Sura telah merasuahkan emas sebanyak sebahara kepada Bendahara supaya dia menang dalam kesnya dengan Raja Mendaliar. Kitul, seorang yang ada berhutang dengan Raja

Mendaliar telah pergi memberitahu Raja Mendaliar tentang perihal Nina Dewa Sura itu. Dikatakan Nina Dewa Sura merasuahkan emas 10 kati supaya Bendahara membunuh Raja Mendaliar dan dikatakan bahawa Bendahara telah bersetuju. Segala hutang Kitul telah dihalalkan. Pada malam itu juga, Raja Mendaliar telah pergi mengadu kepada Laksamana Khoja Hassan. Dirasuahnya dengan emas sebahara disamping permata dan kain baju yang indahindah. Dikatanya Bendahara mahu merampas takhta kerajaan. Bendahara telahpun menempah takhta kerajaan, piu dan kaus emas. Kerana termakan pujuk, Laksamana bersedia memberitahu raja. Sebaik menerima aduan Laksamana, Sultan Mahmud telah mengarahkan Tun Sura Diraja dan Tun Indera Segara pergi membunuh Bendahara. Tun Hassan Temenggung ingin menentang tapi dihalang oleh Bendahara. Tun Hassan juga mahu membuang petipeti emasnya, itupun dihalang oleh Sutan. Bendahara, Seri Nara Diraja, Tun Hassan Temenggung dan suami serta sepupunya Tun Ali pun dibunuh orang. Tun Abdul Karim, Tun Jenal dan Tun Fatimah tidak dibunuh.

Sebaliknya Tun Fatimah dijadikan isterinya. Bila kahwin, segala harta Bendahara dibawa ke dalam. Raja mendapati tuduhan yang Bendahara mahu merampas takhta tidak benar kerana alatan seperti didakwa dimiliki Bendahara tidak ada. Sultan menyesal lalu menitahkan Kitul disula dan Raja Mendaliar dibunuh. Harta Laksamana dirampas. Dia tidak dibunuh kerana Sultan pernah bersumpah mengharamkam darah laksamana.

Kisah ini merupakan tragedi terbesar dalam Sulalatus Salatin, yang mana nafsu seorang raja telah menyebabkan terbunuhnya sekeluarga yang tidak berdosa. Kisah ini menjelaskan bahawa Qada' dan Qadar ditentukan oleh Allah SWT. Keengganan sultan menerima bahawa Tun Fatimah bukan jodohnya hingga mencemburui dan mendendami Bendahara telah membawa kepada penyesalan yang besar. Sehingga ke hari ini, kisah Sultan yang tidak mampu bertindak sebagai pemimpin yang berhemah menjadi contoh raja feudal yang zalim.

11. Kebijaksanaan Tun Perak Bab dan tajuk cetera Bab 5: Bakat Kepimpinan Tun Perak.

Halaman dalam Sulalatus Salatin Hlm 89 Watak dalam cetera Sultan Muzaffar Syah, Paduka Bubunya, Awi Chakri, Ringkasan cetera Raja Negeri Siam atau negeri Syahrin Nuwi iaitu Paduka Bubunya mahukan negeri Melaka menyembah kepadanya. Sultan Muzaffar Syah enggan menyembah. Jadi Paduka Bubunya menitahkan panglimanya yang bernama Awi Chakri menyerang Melaka. Tun Perak telah membawa tenteranya untuk mempertahankan Melaka bersama-sama orang perempuan masing-masing. Pengikutnya tidak puas hati dan mengadu kepada raja. Tun Perak menyatakan bahawa orangnya akan berperang dengan lebih bersungguh-sungguh dari orang lain kerana mahu menjaga keselamatan isteri mereka masing-masing di samping berperang untuk raja. Sultan berpuas hati dengan jawapan tersebut dan telah melantik Tun Perak menjadi bentara di istana. Tidak lama kemudian dilantik pula menjadi menteri bergelar Paduka Raja.

Tun Perak atau Paduka Raja digelar Pembina Empayar Melaka. Kisah ini yang menjadi bukti kebijaksanaan Tun Perak dalam merancang strategi perang, dan bagaimana perancangan yang teliti dapat memberikan kejayaan walaupun ketika menghadapi musuh yang besar seperti Siam.

PERBINCANGAN

Masyarakat melayu tradisional menggunakan karya sastera sebagai antara medium komunikasi. Karya-karya bertulis ini menjadi wahana penting untuk menyampaikan mesej dan maklumat kepada khalayaknya pada ketika itu (Muhd Nurizam & Shairul Bahri, 2015). Melalui proses kognitif, unsur ilmu dan kebijaksanaan akan dicerap dan dicerna khalayak sebagai teladan dan pedoman. Kisah-kisah dalam sulalatus salatin didapati mengandungi unsur mendidik dengan mengisahkan punca dan akibat tindakan watak-watak kisah tersebut. Kesan tindakan tersebut mampu diambil sebagai teladan oleh khalayak agar tidak melakukan tindakan yang dikisahkan, yakni

kisah-kisah ini memberi kesan positif terhadap pembaca. Falsafah yang dikemukakan mampu membimbing khalayak berfikir akan kemungkinan akibat yang sama berulang sekiranya kurang bijak dan melakukan tindakan yang sama atau hampir serupa. Kisah-kisah tersebut yang ada unsur mengaibkan masih dimasukkan ke dalam Sulalatus Salatin untuk tujuan yang khusus. Pengarang sedar bahawa dia memikul tanggung jawab untuk menyampaikan dan mendidik khalayak, tetapi pada masa yang sama wajar menjaga tertib dengan golongan raja. Di sini terletak tujuan utama kisah-kisah itu diceritakan, iaitu sebagai teguran kepada golongan pemerintah.

Nilai yang terkandung dalam kisah-kisah ini amat kaya. Sulalatus Salatin didapati memenuhi syarat sebagai medium rakaman sosial, iaitu kisah-kisah ini telah berlaku di dalam masyarakat yang nyata, bukan khayalan. Kajian ini mendapati kisah-kisah yang dikaji telah memenuhi syarat Prinsip Ketujuh Teori Takmilah, iaitu kisah-kisah tersebut telah dapat menyampaikan pengajaran dengan berkesan ke atas khalayak. Penceritaan kesan kifarrah akibat tindakan kurang bijak adalah jelas dan mudah difahami.

Nilai-nilai murni yang dapat dikupas termasuklah:

1. Bertindak dengan bijaksana,
2. memilih untuk bersederhana dan tidak riak dengan kuasa yang ada,
3. mengawal marah dan amalkan kesabaran walaupun ketika menghadapi situasi yang amat genting,
4. tidak tunduk kepada nafsu terutamanya dalam hal-hal syahwat,
5. pertimbangkan kebaikan seseorang ketika menghukumnya.

PENUTUP

Kajian ini telah mendapati karya Sulalatus Salatin suatu karya yang kaya dengan nilai-nilai murni, yang jika dihayati, dapat

membangunkan modal insan dalam kalangan generasi muda. Oleh demikian, teks ini wajar dipertengahan semula sebagai rujukan panduan adab dan tingkah laku membentuk akhlak dan peribadi insan kamil. Dicadangkan kajian lanjutan untuk membincangkan kaedah mempertengah Sulalatus Salatin dalam bentuk yang menarik kepada khalayak muda.

RUJUKAN

- Abdul Halim Ali, (2012). Satu Analisis Pengkisahan Semula Sastera Melayu Tradisional Dalam Perspektif Baharu. *Jurnal Perspektif*, Vol 4. No 2. (Hlm 16-27)
- Abdul Halim Ali et.al. (2014). *Teori Takmilah: Perluasan dan Penafsiran*. Persatuan Penulis Budiman Malaysia: Selangor.
- Abdul Halim Ali & Norazimah Zakaria. (2017). *Seraut Wajah: Historiografi Melayu*. Institut Peradaban Melayu UPSI: Tanjung Malim.
- Ajikik. (1982). *Cerita-cerita Dari Melaka 1*. Eastern Unversities Press: Singapura.
- Ajikik. (1982). *Cerita-cerita Dari Melaka 2*. Eastern Unversities Press: Singapura.
- Maniyamin Ibrahim. (2005). *Citra Takmilah: Analisis Terhadap Kumpulan Puisi Islam*. Karisma Publications: Shah Alam.
- Muhammad Yusoff Hashim. (1990). *Kesultanan Melayu Melaka*. Institut Kajian Sejarah Dan Patriotisme Malaysia: Melaka.
- Norazimah Zakaria, (2015). Penghayatan Nilai Murni Dalam Pembangunan Modal Insan Melalui Kesusasteraan Melayu Tradisional. *Jurnal Peradaban Melayu* Jilid 10. (Hlm 25-32). Universiti Pendidikan Sultan Idris: Tanjung Malim, Perak.
- Norazimah Zakaria, et al. (2017). Sejarah Melayu Dalam Hikayat Melayu: Cermin Di Dalam Cermin. *Kertas kerja*, Persidangan Antarabangsa Pertama Historiografi Melayu. FBK, Universiti Pendidikan Sultan Idris: Tanjung Malim, Perak.
- Nordiana Hamzah, et.al. (2017). Emosi orang Melayu dalam Singapura dilanggar todak analisis teks *sulalatus salatin*.

Kertas kerja, Persidangan Antarabangsa Pertama Historiografi Melayu. FBK, Universiti Pendidikan Sultan Idris: Tanjung Malim, Perak.

Norazimah Zakaria, (2012). Kepengarangan Hikayat Melayu dan Tuhfat Al-Nafis. Pendeta – *Jurnal Bahasa dan Sastera Melayu*. Vol 3. Universiti Pendidikan Sultan Idris: Tanjung Malim.

Yusoff Iskandar & Abd Rahman Kaeh. (1978). *Sejarah Melayu: Satu Perbicaraan Kritis Dari Pelbagai Bidang*. Heineman Educational Books (Asia) Ltd: Kuala Lumpur.